

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana keberkesanan Program MyFutureJob berdasarkan kepada data statistik membantu golongan yang memerlukan pekerjaan semenjak ianya dilancarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak pelancaran portal **MyFutureJobs** pada tahun 2020 sehingga 10 September 2021, seramai **1.13 juta pencari pekerja telah didaftarkan** manakala sebanyak **2.31 juta kekosongan jawatan telah diiklankan** di portal tersebut.

Melalui portal MyFutureJobs, seramai **377,076 orang** pencari kerja **telah berjaya mendapatkan pekerjaan**. Seramai **64,766 orang** adalah daripada **golongan** pencari kerja yang telah kehilangan pekerjaan dan menuntut faedah di bawah **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)** manakala sebanyak **312,310 orang** adalah daripada golongan pencari kerja **awam**.

Selain itu, portal MyFutureJobs adalah merupakan **portal pekerjaan sehenti** bagi semua pencari kerja dalam negara yang menghimpunkan pelbagai **peluang pekerjaan, program reskilling dan upskilling** serta **program-program keusahawanan** daripada pelbagai agensi.

MyFutureJobs merupakan portal **berteknologi tinggi** dan terkini bagi membuat **padanan pekerjaan** berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan (*job matching*).

Portal MyFutureJobs telah melancarkan lagi proses perkhidmatan pekerjaan dan juga telah digunakan sebagai **platform** dalam melaksanakan **Program Insentif Pengambilan Pekerja (Hiring Incentive Programme)**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memberi suntikan ketiga vaksin kepada rakyat dan penduduk Malaysia sebelum hujung tahun 2021 bagi meningkatkan tahap imuniti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.
2. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti anggota barisan hadapan kesihatan, pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), warga tua dengan komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*). Pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 akan dilaksanakan apabila liputan imunisasi populasi dewasa di seluruh negara melebihi 80%. Bagi tujuan tersebut, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan garis panduan pelaksanaan pemberian dos ketiga dan pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.